

Submission date: 08/11/2016

Accepted date: 24/03/2017

**METODOLOGI AL-RADD 'ALĀ AL-NAṢĀRĀ
PARA SARJANA MUSLIM***Methodology of al-Radd 'alā al-Naṣārā by Muslim Scholars*Wan Haslan Khairuddin¹ & Indriaty Ismail²
Universiti Kebangsaan Malaysia

wanhaslan@ukm.edu.my

Abstrak

Al-Quran mempunyai keunikan tersendiri apabila disifatkan sebagai teks atau piagam pertama yang memperakui kewujudan agama-agama di samping menegaskan kecelaruan yang terdapat di dalam agama-agama selain Islam. Di awal perkembangan *Religionswissenschaft* atau *The Science of Comparative Religion*, agama dan komuniti yang menjadi tumpuan sarjana muslim dalam diskusi sama ada melalui penulisan, diskusi dan dialog adalah agama Kristian. Penumpuan ini melahirkan karya-karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* (Penolakan Terhadap Agama Kristian) dengan jumlah yang banyak dan metode yang pelbagai. Justeru, artikel ini akan menganalisis metode-metode kritikan sarjana Muslim terhadap agama Kristian secara umum. Isu-isu perbincangan ialah pengenalan metode kritikan sarjana Muslim; analisis metode karya-karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* terpilih; dan metode-metode umum kritikan sarjana Muslim terhadap Kristian. Metodologi yang diguna pakai dalam kajian ini ialah kajian analisis kandungan dan sumber bahan primer yang menjadi asas dalam kajian ini ialah karya-karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* terpilih. Kesimpulannya, artikel ini merumuskan metode kritikan sarjana Muslim terhadap Kristian adalah metode yang mempunyai keunikan dan berpengaruh dalam *Religionswissenschaft*.

Kata kunci: metode, metode kritikan, kritikan terhadap Kristian, *Religionswissenschaft*, karya-karya *Religionswissenschaft* Muslim.

Abstract

Al-Qur'an has its own uniqueness when deemed to be the first text or charter which recognizes the existence of other religions in addition to expose incoherent and faults of otherwise. In early development of *Religionswissenschaft* or *The Science of Comparative Religion*, religion and

¹ Pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

² Pensyarah kanan Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: indriaty@ukm.edu.my.

community the focus of the discussion of Muslim scholars whether in writing, discussion or dialogue is Christianity. This concentration produces the works of *al-Radd 'alā al-Naṣārā* (the Rejection of Christianity) in a large number and different methods. Therefore, this article generally analyze the Muslim scholars' methods of criticism against Christianity. Discussion of this article focuses on the introduction of Muslim scholars' methods of criticism; analysing the method of selected works of *al-Radd 'alā al-Naṣārā*, and the general Muslim scholars' methods of criticism against Christianity. The methodology adopted in this study is content analysis and the primary source that forms the basis for this study is few selected works of *al-Radd 'alā al-Naṣārā*. In conclusion, the article concludes that the Muslim scholars' method of criticism against Christianity is a method that has its own uniqueness and influence in Religionswissenschaft.

Keywords: method, method of criticism, criticism of Christianity, Religionswissenschaft, the works of Muslim in Religionswissenschaft.

PENDAHULUAN

Para pengkaji Barat seperti Franz Rosenthal, Sharpe (Kamar Oniah, 2003: 1) dan Adam Mez (Shalabī, 1997: 31) telah memperakui bahawa masyarakat dan sarjana Muslim merupakan perintis kepada Ilmu Kajian Agama-agama atau *Religionswissenschaft* (Ibn Ḥazm, 1996: 13-15; Shalabī, 1997: 27-37; Nuriz, 2011: 3-5). Kenyataan ini dibuktikan dengan nas-nas yang terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah iaitu dua sumber rujukan utama umat Islam. Kerana itu, Islam disifatkan sebagai pencetus timbulnya disiplin *Religionswissenschaft*. Al-Qur'an sebagai contoh, telah memperkatakan tentang agama-agama sama ada agama samawi atau agama *waḍa'ī* (Shalabī, 1997: 27-30). Bahkan al-Quran menurut Kamar Oniah (2003: 13), adalah satu-satunya teks agama yang memperakui kewujudan agama-agama selain Islam. Berdasarkan catatan al-Sunnah, Rasulullah s.a.w. telah berdakwah kepada kaum musyrikin dan Ahli Kitab (i.i. Yahudi dan Nasrani) dengan pendekatan dialog dan diskusi sebagaimana yang dinyatakan oleh para mufasir dalam sebab turunnya ayat-ayat surah *al-Kāfirūn*, bahagian awal ayat dari surah *Āli 'Imrān* dan ayat ke 47 dari surah *al-Nisā'*. Dengan panduan al-Quran dan al-Sunnah, aktiviti dialog dan diskusi sesama penganut bukan Islam rancak diteruskan oleh para sahabat, *tabi* (i.i. *tābi'*) dan *tabiin* (i.i. *tābi'in*) serta para sarjana Muslim selepas kewafatan Rasulullah s.a.w.

Agama dan komuniti yang menjadi tumpuan utama dalam dialog dan diskusi para sarjana Muslim adalah agama Kristian. Menurut perbahasan al-Quran, agama Kristian adalah kelompok ketiga terbesar dan paling banyak dibicarakan al-Quran selepas kelompok Musyrikin (i.i. orang menyekutukan Allah s.w.t.) dan Yahudi. Menurut Muhammad Abdullah al-Sharqawi (Al-Jāhiz, 1991: 16-19), agama Kristian lebih menjadi tumpuan kerana mereka berjiran dan bersosial serta hidup bersama-sama masyarakat Islam. Selain itu, sikap mesra dan kasih sayang masyarakat Kristian terhadap masyarakat Islam mengeratkan lagi hubungan sosial semasa mereka. Maksud firman Allah s.w.t. di dalam surah *al-Mā'idah* 5:82.

Demi sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan dapati manusia yang keras sekali permusuhanannya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik. Dan demi sesungguhnya engkau akan dapati orang-orang yang dekat sekali kasih mesranya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: "Bahawa kami ini ialah orang-orang Nasrani" yang demikian itu, disebabkan ada di antara mereka pendita-pendita dan ahli-ahli ibadat, dan kerana mereka pula tidak berlaku sombong.

Isu atau tema para sarjana Muslim dalam dialog dan diskusi Islam-Kristian ialah berkaitan doktrin Jesus atau Isa a.s. sebagai anak tuhan, doktrin Trinita, doktrin inkarnasi dan keaslian atau keabsahan Bible (David Thomas, 1983: iii). Aktiviti dialog dan diskusi Islam-Kristian sama ada melalui penulisan, perbincangan dan perdebatan terus dilansung serta dirancakkan oleh para sarjana Muslim yang datang kemudian. Ianya dilaksanakan sama ada bertujuan sebagai propaganda terhadap agama-agama selain Islam atau bertujuan mempertahankan agama dan akidah Islam daripada ideologi dan fahaman yang menyeleweng lagi menyesatkan (Kamar Oniah, 2003: 7).

PENGENALAN METODE KRITIKAN SARJANA MUSLIM TERHADAP KRISTIAN

Menurut Kamus Dewan (2007: 1030), metode bermaksud cara atau sistem melakukan sesuatu. Metode juga disinonimkan dengan metodologi (métodologi) iaitu bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Manakala kritik atau kritikan menurut Kamus Dewan (2007: 830) bermaksud analisis, penilaian, dan ulasan terhadap sesuatu karya sastera dan lain-lain atau ulasan, kecaman, kata-kata tentang keburukan, kelemahan dan sebagainya terhadap seseorang atau sesuatu. Berdasarkan kepada pengertian kedua-dua kalimah di atas, maka pengertian "metode kritikan sarjana Muslim" yang dikehendaki dalam kajian ini ialah cara, sistem, prosedur, kaedah dan prinsip yang digunakan oleh para sarjana Muslim dalam ulasan, kecaman, kata-kata tentang keburukan dan kelemahan yang terdapat dalam agama Kristian dan ajarannya.

Metode umum yang menjadi panduan para sarjana Muslim dalam kritikan terhadap Kristian adalah bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. David Thomas (1983: iii) telah mengulas dalam kajian Doktor Falsafah beliau bahawa pengkajian para sarjana Muslim terhadap Kristian telah berkembang dengan ulasan dan kritikan kontemporari, namun ianya masih dipengaruhi dari peringkat awal sehingga yang terkemudian dengan tema-tema perbincangan dan metode-metode kritikan yang dikemukakan al-Quran. Kenyataan ini tidak dapat disangkal kerana al-Quran adalah panduan utama kepada para sarjana Muslim dalam tatacara atau tataetika dan pengkajian mereka diperingkat awal sehingga ke hari ini. Antara metode kritikan umum yang menjadi panduan para sarjana Muslim melalui al-Quran ialah kritikan dengan hikmah kebijaksanaan, kritikan dengan nasihat pengajaran yang baik dan kritikan dengan perbahasan yang terbaik. Metode-metode ini adalah berdasarkan firman Allah s.w.t., *al-Nahl* 16: 125.

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Selain itu, kritikan panduan al-Quran bersifat adil atau tidak bersifat prejudis (préjudis) iaitu prasangka atau rasa suka atau tidak suka yang tidak berasas terhadap sesuatu kaum, agama dan sebagainya (Kamus Dewan, 2007: 1229, 1230). Metode ini berdasarkan panduan dari firman Allah s.w.t. dalam *al-Mā'idah* 5: 8.

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Ayat di atas menjelaskan panduan al-Quran dalam kritikan tidak boleh dipengaruhi oleh perasaan kebencian tetapi bersifat adil atau tidak bersifat prejudis. Antara tataetika lain, kritikan panduan al-Quran bersifat toleransi dan harmoni iaitu persesuaian atau persetujuan antara satu sama lain dalam menghormati dan menerima pendapat atau pendirian orang lain yang berbeza daripadanya (Kamus Dewan, 2007: 516, 1704). Antara ayat al-Quran yang menyatakan tataetika kritikan yang bersifat toleransi dan harmoni ini ialah maksud firman Allah s.w.t. dalam *Āli-Imrān* 3: 61-64.

Kemudian sesiapa yang membantahmu (wahai Muhammad) mengenainya, sesudah engkau beroleh pengetahuan yang benar, maka katakanlah kepada mereka: "Marilah kita menyeru anak-anak kami serta anak-anak kamu, dan perempuan-perempuan kami serta perempuan-perempuan kamu, dan diri kami serta diri kamu, kemudian kita memohon kepada Allah dengan bersungguh-sungguh, serta kita meminta supaya laknat Allah ditimpakan kepada orang-orang yang berdusta. Sesungguhnya ini ialah kisah-kisah yang benar; dan tiadalah Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah; dan (ingatlah), sesungguhnya Allah, Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Kemudian kalau mereka berpaling (enggan menurut), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan orang-orang yang berbuat kerosakan. Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam".

Ayat di atas menjelaskan tataetika apabila berlaku berbahasan yang diikuti dengan perbantahan lalu mubahalah (i.i. memohon kepada Allah supaya ditimpakan laknat kepada orang-orang yang berdusta) tetap diteruskan dengan toleransi dan harmoni apabila Ahli Kitab diserukan dengan faktor-faktor yang boleh disatukan. Inilah tataetika kritikan yang bersifat toleransi dan harmoni panduan al-Quran. Walaupun al-Quran (*al-Baqarah* 2: 120) telah menegaskan bahawa sikap Yahudi dan Kristian tidak akan sekali-kali bersetuju atau suka terhadap Islam namun, hubungan dan interaksi antara penganut agama-agama perlu dipelihara sebaiknya. Firman Allah s.w.t. dalam *al-'Ankabūt* 29: 46.

Janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (Al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu; dan kepada-Nyalah, kami patuh dengan berserah diri.

Metode kritikan umum ajaran al-Qur'an yang paling utama ialah berasaskan ilmu dan pengetahuan atau berasaskan hujah dan dalil. Bahkan, ini adalah tanggungjawab dan keperluan utama yang perlu ada bagi para sarjana Muslim. Firman Allah s.w.t. dalam *al-Isra'* 17: 36.

Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.

Petikan-petikan ayat al-Quran di atas menjelaskan tatacara atau tataetika atau panduan al-Quran dalam metode kritikan secara umum iaitu [i] metode kritikan adil dan saksama; [ii] metode kritikan harmoni dan toleransi; dan [iii] metode kritikan ilmiah dan autoritif. Namun, ini adalah metode umum yang perlukan kepada perincian metode-metode kritikan secara khusus. Persoalan mengenai apakah metode kritikan sarjana Muslim dari sudut penghujahan dan pendalilan secara khusus perlu ditinjau melalui analisis terhadap beberapa karya-karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* terpilih para sarjana Muslim.

ANALISIS METODE KARYA-KARYA AL-RADD ALA AL-NASARA SARJANA MUSLIM

Al-Radd 'alā al-Naṣārā bermaksud *Penolakan Terhadap Agama Kristian*. Karya-karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* para sarjana Muslim adalah dalam bentuk buku, risalah atau bab dalam sesebuah buku. Karya-karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* ini amat banyak sehinggakan kebanyakan darinya hanya tinggal nama dalam catatan para penulis biografi Muslim (Al-Sharafi, 1986: 113-170).

Antara karya-karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* para sarjana Muslim yang diperolehi dan dimiliki oleh pengkaji adalah seperti *al-Radd 'alā al-Naṣārā* (2000), karangan al-Qāsim bin Ibrāhīm al-Rissī (m. 246H), *al-Mukhtār fi al-Radd 'alā al-Naṣārā* (1991), karangan 'Amr bin Baḥr al-Jāhiz (m. 255H), *al-Radd 'alā al-Thalāth Firqah min al-Naṣārā* (David Thomas, 1992), karangan

Abū 'Isā Muḥammad bin Hārūn al-Warrāq (m. 297H), *al-Radd al-Jamīl li Ilāhiyyah 'Isā bi Ṣarīḥ al-Injīl* (1973; 1990), karangan Abu Hamid al-Ghazali (m. 505H), *al-Radd 'alā al-Naṣārā* (1988), karangan Ṣāliḥ bin al-Ḥusayn al-Ja'farī (m. 632H) dan *al-Ajwibah al-Fākhirah 'an al-As'ilah al-Fājirah fī al-Radd 'alā al-Naṣārā* (1992), karangan Shihāb al-Dīn al-Qirāfi (m. 684H). Karya-karya ini secara umumnya bertajuk *al-Radd 'alā al-Naṣārā* atau *Penolakan Terhadap Agama Kristian*.

Karya-karya yang cuba diteliti dan dianalisis oleh pengkaji di sini ialah *al-Radd 'alā al-Naṣārā* (2000) karya al-Qāsim bin Ibrāhīm al-Rissī (m. 246H), *al-Mukhtār fī al-Radd 'alā al-Naṣārā* (1991) karya 'Amr bin Baḥr al-Jāhiz (m. 255H) dan *al-Radd 'alā al-Thalāth Firaq min al-Naṣārā* (David Thomas, 1992) karya Abū 'Isā Muḥammad bin Hārūn al-Warrāq (m. 297H). Namun, dalam artikel ini pengkaji hanya membuat tinjauan dan analisis umum bersifat deskriptif bagi tujuan mengenal pasti metode-metode dominan yang digunapakai oleh para sarjana Muslim dalam *al-Radd 'alā al-Naṣārā* terutama terhadap karya-karya yang dipilih dalam artikel ini.

***Al-Radd 'alā al-Naṣārā* karya al-Qāsim bin Ibrāhīm al-Rissī (m. 246H)**

Nama lengkap pengarang ialah al-Qāsim bin Ibrāhīm al-Ḥasanī al-'Alawī. Panggilan atau *kunyah* beliau adalah Abu Muhammad dan gelaran beliau ialah al-Rissī. Al-Rissī hidup sekitar tahun 169 sehingga 246 Hijriah bersamaan 785 sehingga 860 Masihi. Beliau merupakan fakih, ahli syair dan imam dalam mazhab Zaidiah yang hidup pada zaman Kerajaan 'Abbāsiyyah iaitu pada waktu pemerintahan Hārūn al-Rashīd, al-Amīn, al-Ma'mūn dan al-Mu'taṣim. Kehidupan dan aktiviti beliau adalah di sekitar Mesir, Hijaz, Yaman dan akhirnya beliau menetap dan meninggal dunia di gunung atau *Jabl al-Ris* (Al-Rissī, 2000: 15).

Al-Radd 'alā al-Naṣārā karya al-Qāsim bin Ibrāhīm al-Rissī (m. 246H) membincangkan tiga perkara utama: [i] akidah Tauhid; [ii] akidah Trinitikristian; dan [iii] kritikan terhadap akidah Kristian (Al-Rissī 2000; Al-Sharafī 1986: 136). Al-Rissī telah menjelaskan metode kritikan beliau terhadap Kristian dengan mengatakan bahawa dalil dan hujah yang diperolehi dari kata-kata dan mazhab penganut Kristian itu sendiri merupakan bukti yang putus, kukuh dan padu (Al-Rissī, 2000: 32).

Sebagai contoh, dalam mengkritik doktrin Bapa dan Anak, al-Rissī dilihat terlebih dahulu mendatangkan pandangan-pandangan yang wujud dalam agama Kristian dan nas-nas atau teks-teks yang dipegang oleh penganut Kristian (Al-Rissī, 2000: 33-39). Kemudian al-Rissī membahaskan isu berkaitan secara logik dan diperkukuhkan dengan penerangan dari nas-nas atau teks-teks yang wujud dalam agama Kristian. Selain itu, pengukuhan hujah turut dibawa dengan kenyataan dari ayat-ayat al-Quran yang berkaitan (Al-Rissī, 2000: 39-42). Asas metode al-Rissī secara umum ialah penghujahan berdasarkan teks-teks yang dipegang oleh penganut Kristian seterusnya dikukuhkan dengan penghujahan logik dan kenyataan dari ayat-ayat al-Quran. Justeru, Muhammad Hasanain (Al-Ja'fari, 1988: 29) menyimpulkan bahawa al-Rissī dominan menggunakan *al-Manhaj al-Tafsīrī* iaitu metode tafsiran

dengan kaedah menginterpretasikan Bible berdasarkan kefahaman penganut agama Kristian itu sendiri.

***Al-Mukhtār fī al-Radd 'alā al-Naṣārā* karya 'Amr bin Baḥr al-Jāhiz (m. 255H)**

Nama lengkap pengarang ialah 'Amr bin Baḥr atau panggilan (i.i. *kunyah*) beliau Abū 'Uthmān dan gelaran (i.i. *laqab*) beliau ialah al-Jāhiz. Menurut catatan, gelaran al-Jāhiz adalah disebabkan mata beliau yang disifatkan terjojol atau tersembul keluar. Al-Jāhiz hidup sekitar tahun 160 sehingga 225 Hijriah bersamaan 776 sehingga 869 Masihi. Beliau merupakan sasterawan dan ahli syair yang hidup pada zaman awal Kerajaan 'Abbāsiyyah. Beliau disebutkan lahir di awal pemerintahan al-Manṣūr. Kehidupan dan aktiviti beliau adalah di sekitar Basrah. Di penghujung hayat, al-Jāhiz dilaporkan lumpuh separuh badan. Dengan ketidakupayaan tersebut, al-Jāhiz meninggal dunia disebabkan jatuhnya timbunan buku-buku ke atas beliau sewaktu mengulangkaji di perpustakaan (Salman Zainal Abidin, 2011: 22-28).

Al-Mukhtār fī al-Radd 'alā al-Naṣārā karya 'Amr bin Baḥr al-Jāhiz (m. 255H) membincangkan empat perkara utama: [i] isu-isu propaganda penganut Kristian terhadap Islam; [ii] sebab-sebab mengapa penganut Kristian lebih dekat dengan Muslim berbanding penganut Yahudi; [iii] Respons al-Jāhiz terhadap isu-isu propaganda penganut Kristian terhadap Islam; dan [iv] perbincangan isu ketuhanan Isa a.s. dan *tashbīh* (imitasi) (Al-Jāhiz, 1991; al-Sharafī, 1986: 137-140; Salman Zainal Abidin, 2011: 46). Secara umumnya, *al-Radd 'alā al-Naṣārā* karya al-Jāhiz ini adalah penelitian dan respons terhadap propaganda yang ditimbulkan penganut Kristian dan perbincangan secara logika terhadap isu-isu yang diutarakan oleh al-Jāhiz terhadap penganut Kristian (Al-Jāhiz, 1991: 15).

Al-Jāhiz dalam kritikan beliau terhadap Kristian dilihat lebih menggunakan pendekatan logika atau apa yang dinamakan sebagai *al-Manhaj al-'Aqlī* oleh Muhammad Hasanayn (Al-Ja'farī, 1988: 34-37). Sebagai contoh, dalam perbincangan isu ketuhanan 'Isā a.s., al-Jāhiz mempersoalkan sifat ketuhanan (*lāhūt*) dan sifat kemanusiaan (*nāsūt*) yang didakwa wujud pada diri 'Isā a.s. oleh penganut Kristian. Persoalan al-Jāhiz, bolehkah *al-Masīh* ('Isā a.s.) bersifat ketuhanan sahaja tanpa bersifat kemanusiaan? Atau bolehkah *al-Masīh* bersifat kemanusiaan sahaja tanpa bersifat ketuhanan? Sekiranya *al-Masīh* hanya bersifat ketuhanan sahaja bagaimana pula dengan segala sifat-sifat kemanusiaan yang ada pada beliau seperti makan, minum dan sebagainya? Sekiranya *al-Masīh* didakwa bersifat kemanusiaan dan ketuhanan. Maka persoalannya, adakah sifat ketuhanan itu wujud pada beliau dan selainnya atau hanya pada beliau. Sekiranya sifat ketuhanan turut wujud pada selainnya maka *al-Masīh* tidak boleh disifatkan sebagai tuhan. Sekiranya sifat ketuhanan hanya wujud pada beliau, maka *al-Masīh* itu tuhan yang bertubuh badan atau bersifat dengan ketuhanan dan kemanusiaan. Menurut al-Jāhiz, inilah pendapat kebanyakan penganut Kristian sebagai jalan lari dari menjawab persoalan. Menurutnyanya lagi, cukuplah pandangan yang mengatakan tuhan itu berasimilasi atau berpadu menjadi satu dengan manusia itu adalah satu kejelikan (Al-Jāhiz, 1991: 88-90).

***Al-Radd 'alā al-Naṣārā* atau *Al-Radd 'alā al-Thalāth Firaq min al-Naṣārā* karya Muḥammad bin Hārūn al-Warrāq (m. 297H)**

Nama lengkap pengarang ialah Muḥammad bin Hārūn atau panggilan (i.i. *kunyah*) beliau adalah Abu Isa dan gelaran (i.i. *laqab*) beliau ialah al-Warrāq. Al-Warrāq dilaporkan meninggal dunia tahun 297 Hijriah bersamaan 910 Masihi. Beliau merupakan ahli ilmu kalam dan falsafah. Catatan kehidupan dan aktiviti beliau tidak banyak dibincangkan. Menurut kenyataan yang diriwayatkan oleh Abū 'Alī al-Jubbā'ī, al-Warrāq meninggal dunia sewaktu berada di dalam tahanan penjara menteri Ibn al-Furāt (Al-Sharafī, 1986: 141-142).

Menurut Ibn al-Nadīm, al-Warrāq telah mengarang tiga buah karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* iaitu *al-Radd al-Aṣghar* (kritikan kecil), *al-Radd al-Awsaṭ* (kritikan sederhana) dan *al-Radd al-Kabīr* (kritikan besar). Menurut 'Abd al-Majīd al-Sharafī (1986: 141-142), karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* yang dinisbahkan kepada al-Warrāq pada hari ini tidak diketahui sama ada ia adalah *al-Aṣghar*, *al-Awsaṭ* atau *al-Kabīr*. Karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* yang diperolehi dan dimilik pengkaji berjudul *al-Radd 'alā al-Thalāth Firaq min al-Naṣārā* bahagian pertama teks bahasa Arab berserta terjemahan bahasa English oleh David Thomas (1992).

Al-Radd 'alā al-Thalāth Firaq min al-Naṣārā bermaksud *penolakan terhadap tiga aliran Kristian*. Tiga aliran Kristian yang dimaksudkan itu adalah Jacobites, Nestorians dan Melkites. Kritikan al-Warrāq dalam buku ini terbahagi kepada tiga bahagian utama: [i] kepercayaan Kristian aliran Nestorians, Melkites dan Jacobites; [ii] penolakan terhadap doktrin Trinititi; dan [iii] penolakan terhadap kepercayaan Kristian ke atas *al-Masīḥ* (David Thomas, 1992; al-Sharafī 1986: 113).

Secara umum, metode kritikan al-Warrāq adalah berasaskan kepada metode logika tulen atau apa yang dinamakan Muhammad Hasanayn sebagai *al-Manhaj al-'Aqlī* (Al-Ja'fari, 1988: 34-37). Sebagai contoh, al-Warrāq lebih menumpukan perbahasan terhadap istilah dan doktrin yang terdapat dalam agama Kristian seperti *hypostases* (hypostasis), *original sin* (dosa asal), *inherited sin* (dosa warisan) dan sebagainya berdasarkan penerimaan logik. Istilah *hypostases* di sisi Kristian ditafsirkan dengan pelbagai makna iaitu sebagai ciri-ciri, individu dan sifat (David Thomas, 1992: 68). Menurut Muḥammad Hasanayn (Al-Ja'fari, 1988: 35), perselisihan sebegini sudah cukup membawa kepada kesamaran dan akidah yang benar tidak terbina dengan kesamaran.

METODE-METODE KRITIKAN SARJANA MUSLIM TERHADAP KRISTIAN

Melalui seruan al-Quran iaitu berdakwah dengan hikmah kebijaksanaan, nasihat pengajaran yang baik dan perbahasan dengan cara yang terbaik (*al-Nahl* 16: 125), seruan berbahas dengan Ahli Kitab dengan cara yang lebih baik (*al-'Ankabūt* 29: 46) dan seruan supaya tidak mengikut atau melaksanakan sesuatu tanpa fakta dan pengetahuan (*al-Isrā'* 17: 36). Maka timbul pendekatan dalam memanifestasikan seruan-seruan tersebut beberapa metode

kritikan seperti [i] metode kritikan adil dan saksama; [ii] metode kritikan harmoni dan toleransi; dan [iii] metode kritikan ilmiah dan autoritatif.

Melalui analisis metode para sarjana *Religionswissenschaft* Muslim dan kajian Muḥammad Ḥasanayn (Al-Ja'farī, 1988: 26-38) maka metode kritikan ilmiah dan autoritatif telah dikemukakan oleh para sarjana Muslim dalam empat bentuk metode kritikan: [i] metode kritikan tafsiran atau *al-manhaj al-tafsīrī* yaitu kaedah menginterpretasikan Bible berdasarkan kefahaman penganutnya. Metode ini dikesan banyak diadaptasikan oleh al-Qāsim bin Ibrāhīm al-Rissī (m. 246H) dalam karyanya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* (2000); [ii] metode kritikan sangsian atau *al-manhaj al-shakkī* yaitu kaedah mengesahkan kontradiksi yang terdapat dalam teks-teks Bible. Metode ini banyak diadaptasikan oleh sarjana yang tidak ditinjau di dalam artikel ini seperti Abū Ḥāmid al-Ghazālī (m. 505H) dalam karyanya *al-Radd al-Jamīl li Ilāhiyyah 'Isā bi Sarīḥ al-Injīl* (1973; 1990); [iii] metode kritikan logika atau *al-manhaj al-'aqlī* yaitu kaedah mengesahkan kepalsuan doktrin Kristian berdasarkan kelogikan. Metode ini dikesan banyak diadaptasikan oleh 'Amr bin Baḥr al-Jāhiz (m. 255H) dalam karyanya *Al-Mukhtār fī al-Radd 'alā al-Naṣārā* dan Abū 'Isā Muḥammad bin Hārūn al-Warrāq (m. 297H) dalam karyanya *al-Radd 'alā al-Thalāth Firaq min al-Naṣārā* (David Thomas, 1992); dan [iv] metode kritikan integral atau *al-manhaj al-takāmūlī* yaitu kaedah mengkombinasikan metode tafsiran, metode sangsian dan metode logika. Metode ini banyak diadaptasikan oleh sarjana yang tidak ditinjau di dalam artikel ini seperti Ṣāliḥ bin al-Ḥusayn al-Ja'farī (m. 632H) dalam karyanya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* (1988).

Metode-metode *al-Radd 'alā al-Naṣārā* para sarjana Muslim disimpulkan sebagaimana rajah I.

Rajah I Metode-metode *al-Radd 'alā al-Naṣārā* para sarjana Muslim

Metode kritikan panduan al-Quran [Panduan <i>al-Naḥl</i> 16:125]			
[i] metode kritikan adil dan saksama [Panduan <i>al-Ma'idah</i> 5: 8]	[ii] metode kritikan harmoni dan toleransi [Panduan <i>Āli-'Imrān</i> 3: 61-64; <i>al-An'ām</i> 6: 108]	[iii] metode kritikan ilmiah dan autoritatif [Panduan <i>al-Isrā'</i> 17: 36]	
Metode kritikan karya-karya <i>al-Radd 'alā al-Naṣārā</i> sarjana Muslim			
[i] metode kritikan tafsiran atau <i>al-manhaj al-tafsīrī</i>	[ii] metode kritikan sangsian atau <i>al-manhaj al-shakkī</i>	[iii] metode kritikan logika atau <i>al-manhaj al-'aqlī</i>	[iv] metode kritikan integral atau <i>al-manhaj al-takāmūlī</i>

PENUTUP

Al-Quran selain ia merupakan sumber rujukan utama umat Islam ia adalah teks atau piagam pertama dalam *Religionswissenschaft* atau *The Science of Comparative Religion* yang memperakui kewujudan agama-agama selain

Islam (*al-Kāfirūn* 109). Sekiranya diteliti, al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi rujukan para sarjana *Religionswissenschaft* Muslim telah mendedahkan pendekatan dialog dan diskusi sesama penganut-penganut agama lain sama ada musyrikin iaitu penyembah berhala atau Ahli Kitab iaitu Yahudi dan Nasrani. Pendedahan sebegini mengembangkan lagi aktiviti dan disiplin *Religionswissenschaft*.

Berdasarkan kepada tinjauan dan analisis awal yang dilaksanakan dalam kajian ini, pengkaji dapat menyimpulkan: [i] perkembangan dan percambahan karya-karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā* (Penolakan Terhadap Agama Kristian) para sarjana *Religionswissenschaft* Muslim telah membentuk dan menformulasikan metode kritikan yang kolektif, kukuh dan sepadu yang terdiri daripada tiga metode kritikan umum panduan al-Quran dan empat metode kritikan daripada karya-karya *al-Radd 'alā al-Naṣārā*; [ii] kewujudan metode kritikan yang kolektif, kukuh dan sepadu ini telah wujud awal iaitu sebelum tahun 700 Hijriah atau sebelum tahun 1200 atau 1300 Masihi. Kenyataan ini dibuktikan dengan kajian ini yang hanya meninjau dan menganalisis karya-karya para sarjana *Religionswissenschaft* Muslim sekitar tahun 200-700 Hijriah; [iii] selain Islam disifatkan sebagai pencetus dan pelopor timbulnya disiplin *Religionswissenschaft* atau *The Science of Comparative Religion*, para sarjana Muslim pula adalah pelopor kepada metode-metode yang wujud dalam bidang ini khususnya metode-metode kritikan sebagaimana yang telah dibawakan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. (2010) Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. (1990). *Al-Radd al-Jamīl li Ilāhiyyah 'Īsā bi Sarīḥ al-Injīl*. Turkey: Hakekat Kitabevi.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. (1393H/1973). *Al-Radd al-Jamīl li Ilāhiyyah 'Īsā bi Sarīḥ al-Injīl*. 'Abd al-'Azīz 'Abd al-Ḥaq Ḥilmī (pnyt.). Al-Qāhirah: Majma' al-Buhūth al-Islāmiyyah.
- Al-Jāhiz, 'Amr bin Baḥr. (1411H/1991). *Al-Radd 'alā al-Naṣārā*. Muḥammad 'Abd Allāh al-Sharqāwī (pnyt.). Al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Ja'farī, Ṣāliḥ bin al-Ḥussayn. (1409H/1988). *Al-Mukhtār fī al-Radd 'alā al-Naṣārā*. Muḥammad Muḥammad Ḥasanayn (pnyt.). Bayrūt: Dār al-Jīl.
- Al-Sharafī, 'Abd al-Majīd. (1986). *Al-Fikr al-Islamī fī al-Radd 'alā al-Naṣārā ilā Nihāyah al-Qarn al-Rābi' al-'Ashr*. Tūnis: Dār al-Tūniyyah li al-Nashr.
- David Richard Thomas. (1983). Anti Christian polemic in early Muslim theology. Tesis Ph.D. The University of Lancaster.
- David Richard Thomas. (1992). *Anti Christian Polemic in Early Muslim Islam: Abu Isa al-Warraq's Against the Trinity*. New York: The University of Cambridge.
- Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad. (1416H/1996). *Al-Fiṣal fī al-Milal wa al-Ahwā' wa al-Niḥal*. Muḥammad Ibrāhīm Naṣr & 'Abd Al-Raḥman 'Umairah (pnyt.). Jil. 1. Bayrūt: Dār al-Jīl.
- Kamar Oniah Kamaruzaman. (2003). *Early Muslim Scholarship in Religionswissenschaft: the Work and Contributions of Abu Rayhan*

- Muhammad Ibn Ahmad al-Biruni*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Kamus Dewan. (2007). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuriz, Muḥammad Adīb Fuādī. (2011). *Taqwīm Manhaj al-Imām al-Qurṭubī fī Dirāsah al-Naṣrāniyyah Muqāranah bi al-Dirāsah al-Gharbiyyah al-Hadīthah*. Yogyakarta: Spirit for Education and Development.
- Salman Zainal Abidin. (2011). Al-Jahiz views on Christianity with special reference to al-radd 'alā al-Naṣārā. Disertasi Sarjana. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Shalabī, Aḥmad. (1997). *Muqāranah al-Adyān: al-Yahūdiyyah*. Al-Qāhirah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah.